



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 813

AKTA LEVI PELEPASAN 2019

Sebagaimana pada 30 Disember 2023

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Levi Pelepasan 2019 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA LEVI PELEPASAN 2019

Tarikh Perkenan Diraja	3 Julai 2019
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	17 Julai 2019
Kali terakhir dipinda melalui Akta 851 yang mula berkuat kuasa pada	30 Disember 2023

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 813

AKTA LEVI PELEPASAN 2019

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian dalam wilayah dan luar wilayah
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

4. Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain
5. Orang yang dilantik atau diambil kerja hendaklah menjadi pekhidmat awam
6. Pengiktirafan jawatan
7. Kerahsiaan maklumat
8. Ketua Pengarah boleh menghantar, dsb., dokumen, dsb.

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP LEVI PELEPASAN

9. Pengenaaan levi pelepasan
10. Levi pelepasan yang genap masa
11. Kadar levi pelepasan
12. Membayar balik levi pelepasan
13. Tanggungan untuk berdaftar

BAHAGIAN IV
PENDAFTARAN

Seksyen

14. Kewajipan untuk melantik ejen
15. Pendaftaran pengendali atau ejen pengendali asing
16. Pemberitahuan pemberhentian tanggungan dan pembatalan pendaftaran

BAHAGIAN V

REKOD, PENYATA, TAKSIRAN DAN MENDAPATKAN BALIK

17. Kewajipan untuk menyimpan rekod
18. Salinan rekod boleh diterima sebagai keterangan
19. Pengemukaan penyata
20. Pembayaran levi pelepasan
21. Tempoh pemulaan pendakwaan bagi levi pelepasan yang tidak dibayar
22. Kuasa untuk menaksir
23. Taksiran levi pelepasan pada amaun yang lebih tinggi daripada yang sewajarnya
24. Taksiran untuk menampung kehilangan levi pelepasan yang boleh dikaitkan dengan fraud, dsb.
25. Orang berdaftar membayar levi pelepasan dan penalti apabila diberitahu
26. Ketua Pengarah boleh mengubah taksiran, dsb., untuk memastikan ketepatan
27. Kuasa untuk memungut levi pelepasan, dsb., daripada orang yang terhutang wang pada orang berdaftar
28. Mendapatkan balik levi pelepasan, dsb., yang dibayar balik secara silap
29. Mendapatkan balik levi pelepasan, dsb., sebagai hutang sivil
30. Tanggungan pengarah, dsb.

BAHAGIAN VI

PENGECUALIAN, PEREMITAN DAN PEMBAYARAN BALIK

31. Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik
32. Peremitan

Seksyen

33. Pembayaran balik levi pelepasan yang terlebih bayar atau dibayar secara silap, dsb.
34. Pembayaran balik apabila Ketua Pengarah berpuas hati dan dengan keterangan sokongan

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

35. Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN

36. Halangan
37. Penyata tidak betul dan yang terkurang dibayar
38. Pengelakan levi pelepasan, fraud
39. Keengganan untuk menjawab soalan atau memberi maklumat palsu
40. Percubaan dan persubahatan
41. Penalti am
42. Kesalahan oleh syarikat, dsb.
43. Tanggungan seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.
44. Levi pelepasan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

BAHAGIAN IX

PERBICARAAN DAN PROSIDING

45. Pendakwaan
46. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
47. Peruntukan keterangan
48. Nilai keterangan salinan notis elektronik
49. Pemenjaraan kerana tidak membayar denda
50. Tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada penyitaan boleh didapatkan balik melainkan jika penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali

Seksyen

51. Pengkompaunan kesalahan
52. Perintah mahkamah
53. Obligasi kerahsiaan
54. Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

BAHAGIAN X

PELBAGAI

55. Penyampaian notis, dsb.
56. Penggunaan perkhidmatan elektronik
57. Pengesahan notis, dsb.
58. Transaksi perniagaan bagi pihak orang berdaftar
59. Permohonan untuk kajian semula
60. Pelikuidasi orang berdaftar hendaklah memberikan notis penggulangan, dan mengetepikan levi pelepasan
61. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah
62. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
- 62A. Kuasa untuk melanjutkan tempoh
- 62B. Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat

BAHAGIAN XI

PERALIHAN

63. Pendaftaran sebelum tarikh efektif
64. Pembayaran sebelum tarikh efektif

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 813****AKTA LEVI PELEPASAN 2019**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan levi pelepasan ke atas orang yang meninggalkan Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[Bahagian I, Bahagian II, Bahagian IV, seksyen 17, seksyen 18, seksyen 31, Bahagian VII, Bahagian VIII kecuali seksyen 37, Bahagian IX, Bahagian X dan Bahagian XI—1 Ogos 2019; Bahagian III, Bahagian V kecuali seksyen 17 dan 18, Bahagian VI kecuali seksyen 31 dan seksyen 37—1 September 2019, P.U. (B) 373/2019]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Pelepasan 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan tarikh efektif bagi mengenakan dan meleviskan levi pelepasan di bawah Akta ini.

Pemakaian dalam wilayah dan luar wilayah

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai kedua-duanya di dalam dan di luar Malaysia.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, melepasi had geografi Malaysia dan wilayah perairannya, jika orang itu ialah seorang pengendali asing di bawah Akta ini.

Tafsiran

3. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];

“elektronik” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [*Akta 680*];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais, yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“komputer” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keterangan 1950;

“levi pelepasan” ertinya suatu levi yang kena dibayar di bawah Akta ini;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang” termasuklah seorang individu, suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan dan tiap-tiap orang juridikal lain;

“orang berdaftar” ertinya mana-mana pengendali atau ejen pengendali asing berdaftar di bawah seksyen 15;

“pegawai kastam” ertinya mana-mana pegawai kastam yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967 dan termasuklah mana-mana orang yang dilantik dan diambil kerja di bawah subseksyen 4(4);

“pegawai kanan kastam” ertinya mana-mana pegawai kastam yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967;

“pengendali” ertinya mana-mana orang yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia dan “pengendali asing” ertinya mana-mana orang, yang mengendalikan apa-apa kenderaan untuk membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia, tetapi tidak mempunyai perniagaan atau tempat perniagaan di Malaysia;

“tarikh efektif” ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(3).

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah dan pegawai lain

4. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan levi pelepasan, tertakluk pada arahan dan kawalan Menteri.

(2) Tertakluk pada arahan dan penyeliaan am Ketua Pengarah, seorang pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai dan

menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana pegawai kastam hendaklah mempunyai kewajipan dan kuasa untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan yang sewajarnya peruntukan Akta ini.

(4) Mana-mana orang, selain pegawai kastam boleh dilantik oleh, atau diambil kerja dengan persetujuan, Ketua Pengarah bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan levi pelepasan dan orang itu hendaklah disifatkan sebagai pegawai kastam bagi kewajipan atau perkhidmatan itu.

(5) Ketua Pengarah boleh, melalui pemberikuasaan secara bertulis, memberi mana-mana orang yang dilantik atau diambil kerja di bawah subseksyen (4), semua atau apa-apa kuasa pegawai kastam oleh atau di bawah Akta ini, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi sembilan puluh hari berkenaan dengan mana-mana satu pemberian kuasa.

Orang yang dilantik atau diambil kerja hendaklah menjadi pekhidmat awam

5. Tiap-tiap orang yang dilantik atau diambil kerja di bawah subseksyen 4(4) bagi apa-apa kewajipan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan levi pelepasan hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Pengiktirafan jawatan

6. (1) Tiap-tiap pegawai kastam apabila menunaikan kewajipannya hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang itu kad kuasa atau lencana yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967 atau dalam hal mana-mana pegawai kastam yang dilantik di bawah subseksyen 4(4), apa-apa kad kuasa lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai kastam yang bertindak atau yang berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu enggan mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa atau lencananya apabila diminta oleh orang itu.

(3) Mana-mana orang, yang bukan seorang pegawai kastam, yang memakai, menggunakan, memiliki atau mempamerkan dengan cara yang menyalahi undang-undang, selain semasa suatu pertunjukan pentas atau persembahan teater yang lain—

- (a) apa-apa pakaian seragam yang ditetapkan di bawah seksyen 8A Akta Kastam 1967 atau apa-apa pakaian yang kelihatan seperti, atau yang mengandungi tanda tersendiri yang terdapat pada, pakaian seragam itu; atau
- (b) apa-apa kad kuasa atau lencana yang ditetapkan, atau kad kuasa sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, yang disebut dalam subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kerahsiaan maklumat

7. (1) Tiap-tiap orang, yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini, hendaklah menganggap dan menguruskan semua dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang berhubungan dengan perniagaan atau nilai pembekalan perkhidmatan oleh mana-mana orang berdaftar sebagai rahsia.

(2) Tertakluk pada subseksyen 8(1), tiap-tiap orang yang mempunyai milikan atau kawalan ke atas apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau salinan dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan itu, berhubung dengan perniagaan atau nilai levi pelepasan oleh mana-mana orang, yang pada

bila-bila masa, selain bagi maksud Akta ini atau dengan kuasa nyata Ketua Pengarah—

- (a) menyampaikan atau cuba untuk menyampaikan maklumat itu atau apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinan dokumen, penyata atau perisytiharan itu kepada mana-mana orang; atau
- (b) membiarkan atau membenarkan mana-mana orang untuk mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau kepada apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, penyata atau perisytiharan itu atau salinan dokumen, penyata atau perisytiharan itu,

melakukan suatu kesalahan.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi atau yang dilantik atau yang diambil kerja di bawah Akta ini atau yang disebut dalam subseksyen 8(1) boleh dikehendaki untuk mengemukakan dalam apa-apa perkara atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan atau untuk mendedahkan atau menyampaikan dalam perkara atau prosiding itu apa-apa perkara atau benda, yang dibawa kepada pengetahuannya dalam pelaksanaan kewajibannya di bawah Akta ini, kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini atau bagi memulakan suatu pendakwaan atau dalam perjalanan suatu pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

Ketua Pengarah boleh menghantar, dsb., dokumen, dsb.

8. (1) Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen 7(1) atau apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan itu kepada Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia yang boleh dikehendaki dalam melaksanakan kewajipan rasminya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, membenarkan Ketua Pengarah untuk menghantar atau menyampaikan apa-apa dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan yang disebut dalam subseksyen 7(1) atau apa-apa jua yang terkandung dalam dokumen, maklumat, penyata atau perisytiharan itu kepada mana-mana orang lain.

BAHAGIAN III

PENGENAAN DAN SKOP LEVI PELEPASAN

Pengenaaan levi pelepasan

9. (1) Mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia hendaklah membayar suatu levi pelepasan.

(2) Levi pelepasan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia—

(a) dalam hal orang itu dibawa oleh mana-mana pengendali, oleh orang berdaftar; atau

(b) dalam hal selain perenggan (a), oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri,

pada kadar yang dinyatakan oleh Menteri mengikut seksyen 11 Akta.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau perenggan (2)(a), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Levi pelepasan yang genap masa

10. Levi pelepasan yang dikenakan di bawah seksyen 9 hendaklah menjadi genap masa apabila orang itu meninggalkan Malaysia.

Kadar levi pelepasan

11. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) menetapkan kadar levi pelepasan yang hendak dikenakan dan dilevikan; dan
- (b) mengubah atau meminda kadar levi pelepasan yang ditetapkan di bawah perenggan (a).

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.

Membayar balik levi pelepasan

12. (1) Jika suatu perintah terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 11(2), apa-apa levi pelepasan yang telah dikenakan dan dilevikan menurut perintah itu atau apa-apa bahagian perintah itu sebagaimana yang terhenti berkuat kuasa hendaklah, tertakluk pada subseksyen (2) dan (3), kena dibayar balik kepada orang yang telah membayar levi pelepasan itu.

(2) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada levi pelepasan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (1) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang telah membayar levi pelepasan itu membuat suatu tuntutan secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti berkuat kuasa secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan tuntutan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir-butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa levi pelepasan yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (1) setakat yang pembayaran balik itu akan secara tidak patut memperkaya orang yang telah membayar levi pelepasan itu.

BAHAGIAN IV

PENDAFTARAN

Tanggungjawab untuk berdaftar

13. (1) Mana-mana pengendali bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta ini dan bagi maksud itu hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh permulaan operasi membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia.

(3) Mana-mana pengendali yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan untuk melantik ejen

14. (1) Seseorang pengendali asing hendaklah melantik seorang ejen yang hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah seksyen 13.

(2) Jika terdapat pertukaran ejen yang dilantik di bawah subseksyen (1), pengendali asing itu hendaklah melantik ejen yang lain untuk bertindak bagi pihaknya tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum pertukaran itu dan ejen itu hendaklah memohon pendaftaran dalam masa tiga puluh hari selepas daripada tarikh pelantikan itu.

(3) Mana-mana pengendali asing yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendaftaran pengendali atau ejen pengendali asing

15. (1) Ketua Pengarah hendaklah mendaftar mana-mana pengendali atau ejen pengendali asing yang berkuat kuasa dari hari pertama permulaan operasi pengendali atau pengendali asing membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia atau apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftar mana-mana pengendali atau ejen pengendali asing yang tidak memohon di bawah seksyen 13 berkuat kuasa dari hari pertama pada bulan berikutnya selepas maklumat itu diketahui oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah hendaklah memberitahu orang yang didaftarkan di bawah subseksyen (2) mengikut cara yang difikirkan patut olehnya.

Pemberitahuan pemberhentian tanggungan dan pembatalan pendaftaran

16. (1) Mana-mana orang berdaftar—

(a) yang berniat untuk berhenti menjalankan operasi sebagai pengendali; atau

(b) yang berniat untuk berhenti menjadi ejen pengendali asing,

hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai hakikat itu enam puluh hari sebelum tarikh pemberhentian.

(2) Apabila pemberitahuan di bawah subseksyen (1) diterima, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftaran orang berdaftar itu dari apa-apa tarikh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

REKOD, PENYATA, TAKSIRAN DAN MENDAPATKAN BALIK

Kewajipan untuk menyimpan rekod

17. (1) Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah menyimpan suatu rekod yang lengkap dan benar mengenai mana-mana orang yang dibawa oleh orang berdaftar itu meninggalkan Malaysia dan semua transaksi yang menyentuh atau boleh menyentuh tanggungannya untuk mengenakan levi pelepasan, dalam buku akaun atau rekod lain itu sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa rekod yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah dipelihara bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu.

(3) Jika rekod itu adalah dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara yang membolehkan rekod itu mudah diakses dan boleh ditukar ke dalam bentuk tulisan.

(4) Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk manual dan kemudiannya ditukar ke dalam bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum penukaran itu.

(5) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Salinan rekod boleh diterima sebagai keterangan

18. Suatu salinan rekod di bawah seksyen 17 hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding setakat yang sama sebagaimana rekod itu sendiri.

Pengemukakan penyata

19. (1) Tiap-tiap orang berdaftar hendaklah—

- (a) mengakaunkan levi pelepasan yang genap masa mengikut tempoh bulanan dalam penyata itu sebagaimana yang ditetapkan; dan
- (b) mengemukakan penyata itu kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan itu selepas berakhirnya tempoh bulanan yang berhubungan dengan penyata itu.

(2) Mana-mana orang berdaftar yang terhenti daripada didaftarkan di bawah seksyen 16 hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas pemberhentian itu atau apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, mengemukakan suatu penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan bahagian tempoh yang terakhir itu yang dalamnya orang itu didaftarkan.

(3) Penyata yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah dikemukakan sama ada terdapat apa-apa levi pelepasan yang kena dibayar atau tidak.

(4) Mana-mana orang berdaftar yang tidak mengemukakan penyata melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pembayaran levi pelepasan

20. (1) Mana-mana orang berdaftar yang dikehendaki untuk mengemukakan penyata di bawah seksyen 19 hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar oleh orang berdaftar itu yang berkenaan dengan tempoh yang berhubungan dengan penyata itu tidak lewat daripada hari terakhir yang pengendali itu dikehendaki untuk mengemukakan penyata itu.

(2) Jika apa-apa levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang berdaftar selepas hari terakhir levi pelepasan itu genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang berdaftar itu hendaklah membayar—

- (a) bagi tempoh tiga puluh hari pertama yang levi pelepasan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti sebanyak sepuluh peratus daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar;
- (b) bagi tempoh tiga puluh hari kedua yang levi pelepasan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar; dan
- (c) bagi tempoh tiga puluh hari ketiga yang levi pelepasan itu tidak dibayar secara keseluruhannya atau sebahagiannya selepas habis tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), suatu penalti tambahan sebanyak lima belas peratus daripada amaun levi pelepasan itu yang masih belum dibayar.

(3) Mana-mana orang berdaftar yang tidak membayar kepada Ketua Pengarah amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Sebagai tambahan kepada apa-apa denda yang dikenakan oleh mahkamah di bawah subseksyen (3), mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana orang berdaftar yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (3) untuk membayar penalti yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

Tempoh pemulaan pendakwaan bagi levi pelepasan yang tidak dibayar

21. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 20(3) boleh dimulakan selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 20(2)(c).

(2) Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 20(3) boleh dimulakan terhadap orang berdaftar yang telah membayar amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang dinyatakan di bawah subseksyen 20(2) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen yang sama.

Kuasa untuk menaksir

22. (1) Jika—

- (a) mana-mana pengendali atau ejen tidak memohon bagi pendaftaran;
- (b) mana-mana orang berdaftar tidak mengemukakan suatu penyata; atau
- (c) mana-mana orang berdaftar mengemukakan suatu penyata yang didapati oleh Ketua Pengarah tidak lengkap atau tidak betul,

Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar, dan penalti yang kena dibayar di bawah subseksyen 20(2), jika ada, oleh orang itu, dan Ketua Pengarah hendaklah memberitahu orang itu tentang taksiran itu secara bertulis.

(2) Taksiran di bawah subseksyen (1) tidak boleh dibuat lebih daripada enam tahun dari tarikh levi pelepasan itu genap masa dan kena dibayar.

Taksiran levi pelepasan pada amaun yang lebih tinggi daripada yang sewajarnya

23. (1) Jika —

- (a) Ketua Pengarah membuat suatu taksiran di bawah perenggan 22(1)(b) atau (c);
- (b) levi pelepasan yang ditaksir itu telah dibayar tetapi tiada penyata telah dikemukakan bagi tempoh yang berhubungan dengan taksiran itu; dan
- (c) orang berdaftar tidak mengemukakan suatu penyata bagi apa-apa tempoh berikutnya,

Ketua Pengarah boleh, sebagaimana yang difikirkan patut olehnya, menaksir suatu amaun levi pelepasan yang lebih tinggi daripada amaun yang selainnya patut dipertimbangkannya sebagai wajar.

(2) Jika Ketua Pengarah mendapati bahawa amaun yang sepatutnya telah ditaksir dalam suatu taksiran di bawah subseksyen (1) melebihi amaun yang ditaksir sedemikian, Ketua Pengarah boleh di bawah peruntukan yang sama sebagaimana yang taksiran itu dibuat dan dalam tempoh yang dalamnya taksiran itu sepatutnya telah dibuat, membuat suatu taksiran tambahan dan hendaklah memberitahu orang berdaftar itu secara bertulis dengan sewajarnya.

Taksiran untuk menampung kehilangan levi pelepasan yang boleh dikaitkan dengan fraud, dsb.

24. Jika pada pendapat Ketua Pengarah apa-apa bentuk fraud atau keingkaran telah dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang berkaitan dengan atau berhubung dengan levi pelepasan, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud menampung apa-apa kehilangan levi pelepasan yang boleh dikaitkan dengan fraud atau keingkaran itu, membuat suatu taksiran pada bila-bila masa.

Orang berdaftar membayar levi pelepasan dan penalti apabila diberitahu

25. (1) Jika amaun levi pelepasan dan penalti, jika ada, telah ditaksir dan diberitahu kepada mana-mana orang berdaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar, jika ada, dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya dan amaun levi pelepasan dan penalti itu, jika ada, hendaklah dibayar oleh orang berdaftar itu, melainkan atau kecuali setakat taksiran itu telah ditarik balik atau dikurangkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang kena dibayar hendaklah dibayar oleh orang berdaftar sama ada orang berdaftar itu memohon untuk kajian semula di bawah seksyen 59 terhadap taksiran itu atau tidak.

Ketua Pengarah boleh mengubah taksiran, dsb., untuk memastikan ketepatan

26. Ketua Pengarah boleh membuat apa-apa perubahan dalam atau penambahan kepada mana-mana taksiran yang dibuat sebagaimana yang difikirkan patut olehnya untuk memastikan ketepatan taksiran itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang berdaftar itu secara bertulis.

Kuasa untuk memungut levi pelepasan, dsb., daripada orang yang berhutang wang pada orang berdaftar

27. (1) Jika apa-apa levi pelepasan genap masa dan kena dibayar atau apa-apa penalti yang kena dibayar oleh mana-mana orang berdaftar, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki—

- (a) mana-mana orang yang olehnya apa-apa wang berhutang atau terakru atau boleh menjadi genap masa dan kena dibayar kepada orang berdaftar;

- (b) mana-mana orang yang memegang atau yang boleh kemudiannya memegang wang bagi atau untuk orang berdaftar; atau
- (c) mana-mana orang yang mempunyai kuasa daripada mana-mana orang lain untuk membayar wang kepada orang berdaftar itu,

supaya membayar kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta, atau dalam apa-apa tempoh yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, wang itu, yang bukan gaji atau upah yang terhutang atau terakru kepada orang berdaftar itu, atau sekian banyak daripada wang itu yang cukup untuk membayar levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar, terakru atau penalti yang kena dibayar oleh orang berdaftar itu.

(2) Semua bayaran yang dibuat menurut suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat bagi pihak orang berdaftar itu dan dengan kuasa daripada orang berdaftar itu dan daripada semua orang lain yang berkenaan.

Mendapatkan balik levi pelepasan, dsb., yang dibayar balik secara silap

28. (1) Jika mana-mana levi pelepasan atau penalti selepas bayaran dibuat telah dibayar balik secara silap kepada mana-mana orang, orang itu hendaklah membayar levi pelepasan atau penalti yang dibayar balik secara silap kepadanya sama ada suatu tuntutan dibuat oleh Ketua Pengarah atau tidak.

(2) Tuntutan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam masa enam tahun dari tarikh pembayaran balik itu dibuat.

(3) Apabila tuntutan di bawah subseksyen (2) diterima, orang itu hendaklah membayar semula bayaran balik yang telah dibayar secara silap kepadanya.

Mendapatkan balik levi pelepasan, dsb., sebagai hutang sivil

29. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain dan walau apa pun apa-apa keputusan pegawai kastam, apa-apa levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar oleh orang berdaftar di bawah Akta ini boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

(2) Dalam apa-apa prosiding untuk mendapatkan balik levi pelepasan atau penalti, jika ada, di bawah subseksyen (1), pengemukaan suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang memberikan nama dan alamat orang berdaftar itu dan amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar, jika ada, hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bagi amaun itu sebagai yang genap masa dan kena dibayar atau yang kena dibayar olehnya dan hendaklah menjadi autoriti yang mencukupi bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

(3) Apa-apa penalti yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], Ordinan Had Masa Sabah [*Sabah Bab 72*] atau Ordinan Had Masa Sarawak [*Sarawak Bab 49*], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan balik seolah-oleh ia adalah penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini dan dengan demikian subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak terpakai bagi penalti itu.

Tanggungjawab pengarah, dsb.

30. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, dan tertakluk pada subseksyen (2), jika levi pelepasan genap masa dan kena dibayar atau penalti kena dibayar di bawah Akta ini oleh mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan, atau kumpulan orang lain, pengarah syarikat itu, pegawai pematuhan perkongsian liabiliti terhad itu, pekongsi firma itu, pemegang jawatan pertubuhan itu atau orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, bersama-sama dengan syarikat, perkongsian

liabiliti terhadap, firma, pertubuhan, atau kumpulan orang lain itu bertanggung secara bersesama dan berasingan bagi levi pelepasan atau penalti itu.

(2) Berhubung dengan suatu syarikat yang sedang digulung, pengarah syarikat itu hendaklah hanya bertanggung jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang terhutang, selepas membayar apa-apa jumlah wang yang mempunyai keutamaan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu berbanding dengan levi pelepasan atau penalti itu.

BAHAGIAN VI

PENGECEUALIAN, PEREMITAN DAN PEMBAYARAN BALIK

Kuasa Menteri untuk mengecualikan dan membayar balik

31. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dalam apa-apa hal tertentu dan tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya, mengecualikan—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian levi pelepasan;
- (b) mana-mana orang berdaftar daripada mengenakan keseluruhan atau mana-mana bahagian levi pelepasan;
- (c) mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah perenggan 9(2)(b) daripada mengenakan levi pelepasan; atau
- (d) mana-mana pengendali daripada kehendak untuk mendaftar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, dalam apa-apa hal tertentu dan tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya, mengecualikan—

- (a) mana-mana orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian levi pelepasan;
- (b) mana-mana orang berdaftar daripada mengenakan keseluruhan atau mana-mana bahagian levi pelepasan; atau
- (c) mana-mana pengendali daripada kehendak untuk mendaftar.

(3) Jika seseorang yang telah diberikan pengecualian di bawah perenggan (1)(a) atau (2)(a) telah membayar apa-apa levi pelepasan yang berhubungan dengan pengecualian itu dan yang telah diberi kelulusan oleh Menteri bagi pembayaran balik amaun levi pelepasan yang telah dibayar, orang itu adalah berhak bagi pembayaran balik itu.

Peremitan

32. (1) Menteri boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar jika difikirkan patut olehnya.

(2) Ketua Pengarah boleh, jika difikirkan patut olehnya dan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya, meremitkan penalti di bawah subseksyen 20(2).

(3) Jika seseorang yang telah diberikan peremitan di bawah subseksyen (1) atau (2) telah membayar apa-apa levi pelepasan atau penalti yang berhubungan dengan peremitan itu, dia berhak kepada suatu pembayaran balik amaun levi pelepasan atau penalti yang telah dibayar yang telah diremitkan itu.

Pembayaran balik levi pelepasan yang terlebih bayar atau dibayar secara silap, dsb.

33. (1) Mana-mana orang yang telah terlebih bayar atau membayar secara silap apa-apa levi pelepasan atau penalti atau berhak untuk mendapatkan bayaran balik levi pelepasan atau penalti di bawah seksyen 31 atau 32 boleh membuat tuntutan dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tuntutan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari masa berlakunya pembayaran terlebih itu atau pembayaran yang silap itu atau berlakunya kelayakan pembayaran balik itu.

(3) Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik berkenaan dengan tuntutan di bawah subseksyen (1) setakat yang pembayaran balik itu akan dengan tidak patut memperkaya orang yang disebut dalam subseksyen (1).

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, Ketua Pengarah tidaklah bertanggungjawab untuk membayar balik amaun yang dibayar kepada orang yang disebut dalam subseksyen (1) melalui levi pelepasan menurut fakta bahawa ia bukan levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar kepadanya.

Pembayaran balik apabila Ketua Pengarah berpuas hati dan dengan keterangan sokongan

34. (1) Ketua Pengarah boleh membuat pembayaran balik berkenaan dengan tuntutan di bawah subseksyen 33(1) selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sepatutnya.

(2) Suatu tuntutan di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh apa-apa keterangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VII

PENGUATKUASAAN

Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

35. Bagi maksud Akta ini, tiap-tiap pegawai kastam hendaklah mempunyai semua kuasa yang diberikan di bawah Akta Kastam 1967, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkannya.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN

Halangan**36.** Mana-mana orang yang—

- (a) dengan apa-apa cara mengamang, menghalang, menggalang, mengancam atau mencabul pegawai kastam dalam menunaikan fungsinya di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (b) tidak memberikan kemudahan atau bantuan yang munasabah kepada mana-mana pegawai kastam dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

Penyata tidak betul dan yang terkurang dibayar

37. Mana-mana orang berdaftar yang membuat suatu penyata yang tidak betul atau memberikan apa-apa maklumat yang tidak betul berhubung dengan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungannya untuk mengenakan levi pelepasan atau levi pelepasan yang telah dikenakan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) jika kesalahan itu berhubung dengan levi pelepasan yang terkurang bayar, dikenakan penalti bersamaan dengan amaun yang terkurang bayar itu.

Pengelakan levi pelepasan, fraud

38. (1) Mana-mana orang, yang dengan niat untuk mengelak atau membantu mana-mana orang lain untuk mengelak levi pelepasan—

- (a) meninggalkan daripada suatu penyata apa-apa maklumat berhubung dengan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungannya untuk mengenakan levi pelepasan atau amaun levi pelepasan yang dipungut;
- (b) membuat apa-apa pernyataan palsu atau catatan palsu dalam mana-mana penyata yang dikemukakan, atau tuntutan atau permohonan yang dibuat, di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (c) memberikan apa-apa jawapan palsu, sama ada secara bertulis atau selainnya, kepada apa-apa soalan yang ditanyakan atau permintaan untuk mendapatkan maklumat yang dibuat mengikut peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (d) menyediakan atau menyenggarakan, atau membenarkan penyediaan atau penyenggaraan, apa-apa buku akaun palsu atau rekod palsu yang lain, atau memalsukan atau membenarkan pemalsuan apa-apa buku akaun atau rekod; atau
- (e) membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

- (b) jika kesalahan itu berhubung dengan levi pelepasan yang terkurang bayar, dikenakan penalti bersamaan dengan amaun yang terkurang bayar itu.

(3) Jika dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen ini dibuktikan bahawa suatu pernyataan palsu atau catatan palsu, sama ada dengan peninggalan atau selainnya, telah dibuat dalam mana-mana penyata yang dikemukakan, atau tuntutan atau permohonan yang dibuat, di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam mana-mana buku akaun atau rekod lain yang disenggarakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang, orang itu hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya telah membuat pernyataan palsu atau catatan palsu dengan niat untuk mengelak levi pelepasan.

(4) Apa-apa sebutan dalam seksyen ini tentang seseorang yang membuat, menggunakan atau membenarkan penggunaan apa-apa fraud, tipu daya atau helah termasuklah sebutan tentang seseorang yang, tanpa kuasa Ketua Pengarah atau pegawai kanan kastam—

- (a) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasi data yang disimpan di dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer;
- (b) memasukkan ke dalam, atau merekodkan atau menyimpan di dalam, suatu komputer, melalui apa-apa cara, data bagi maksud—
- (i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasi data yang disimpan di dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau
- (ii) mengusik, mengganggu atau menghalang penggunaan secara sah suatu komputer itu, atau data yang disimpan di dalam, atau yang digunakan berkaitan dengan, suatu komputer; atau
- (c) selainnya menggunakan suatu komputer,

yang maksud atau kesannya adalah untuk mengelak levi pelepasan.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), “data” termasuklah apa-apa program komputer atau sebahagian daripada program komputer.

(6) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini, apa-apa pengelakan levi pelepasan hendaklah disifatkan berada dalam pengetahuan tertuduh melainkan jika dibuktikan sebaliknya oleh tertuduh itu.

Keengganan untuk menjawab soalan atau memberi maklumat palsu

39. (1) Mana-mana orang yang, dikehendaki di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini untuk memberikan apa-apa maklumat yang dengan munasabah boleh dikehendaki oleh pegawai kastam yang dalam kuasanya untuk memberi, enggan untuk memberi maklumat itu atau mengemukakan sebagai benar maklumat yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Apabila apa-apa maklumat dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul pada keseluruhannya atau sebahagiannya, tidaklah menjadi suatu pembelaan untuk mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagian maklumat itu telah dikemukakan secara tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud, atau disalahtafsirkan atau tidak ditafsirkan sepenuhnya oleh seorang jurubahasa yang disediakan oleh pemberi maklumat itu.

Percubaan dan persubahatan

40. Mana-mana orang yang cuba melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau bersubahat dalam pelakuan kesalahan itu, boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Penalti am

41. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh syarikat, dsb.

42. Jika mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu; dan
- (b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; atau

- (ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Tanggungannya seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.

43. Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen orang itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen orang itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen orang itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu,

orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja atau ejen orang itu, atau pekerja ejen orang itu.

Levi pelepasan, dsb., hendaklah kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb.

44. Pemulaan prosiding atau penganan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 51 tidaklah melepaskan mana-mana orang daripada tanggungannya untuk membayar levi pelepasan atau penalti di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IX

PERBICARAAN DAN PROSIDING

Pendakwaan

45. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

46. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman di bawah Akta ini bagi mana-mana kesalahan itu.

Peruntukan keterangan

47. (1) Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya yang menjadi sebahagian daripada atau yang dilampirkan kepada apa-apa maklumat, aduan atau pernyataan tuntutan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

(2) Suatu transkrip tentang apa-apa butir yang terkandung dalam suatu penyata atau dokumen lain yang berhubungan dengan levi pelepasan, jika ia diperaku dengan ditandatangani sendiri oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya sebagai suatu salinan benar butir-butir itu, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

(3) Tiada pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan oleh atau bagi pihak mana-mana orang boleh tidak diterima sebagai keterangan terhadap orang itu dalam apa-apa prosiding terhadapnya yang seksyen ini terpakai baginya, semata-mata oleh sebab fakta bahawa dia telah atau mungkin telah didorong untuk membuat pernyataan itu atau mengemukakan dokumen itu disebabkan oleh

apa-apa dorongan, janji atau ugutan yang dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai apa-apa kewajipan rasmi di bawah, atau dilantik bagi pentadbiran wajar, Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan pelaksanaan Bab IX Bahagian III Akta Keterangan 1950.

(5) Jika dalam apa-apa prosiding dibuktikan bahawa apa-apa pernyataan atau catatan palsu yang telah dibuat dalam apa-apa penyata yang tertera di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang atau dalam apa-apa buku akaun atau rekod mana-mana orang—

(a) orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu itu atau telah menyebabkan pernyataan atau catatan palsu itu dibuat atau telah membenarkannya dibuat dengan niat untuk mengelak pembayaran levi pelepasan atau untuk memperoleh bayaran balik levi pelepasan yang orang itu tidak berhak kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) mana-mana orang lain yang membuat apa-apa pernyataan atau catatan palsu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau catatan palsu dengan niat untuk membantu orang yang mula-mula disebut untuk mengelak pembayaran levi pelepasan atau untuk memperoleh bayaran balik levi pelepasan yang dia tidak berhak.

(6) Jika mana-mana pegawai kastam telah memperoleh apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, dokumen atau salinan dokumen atau keterangan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya, walau apa pun, apa-apa yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Jika mana-mana dokumen yang hendak digunakan dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini adalah dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa

Inggeris, terjemahan dokumen itu ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertakan dengan suatu perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak mana-mana pegawai kastam.

(8) Subseksyen (7) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperolehi oleh mana-mana pegawai kastam di dalam atau di luar Malaysia.

Nilai keterangan salinan notis elektronik

48. (1) Bagi mengelak keraguan, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik bagi suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya tidak boleh tidak diterima sebagai keterangan hanya atas asas bahawa ia telah difailkan, diserahkan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik, tanpa penghantaran apa-apa dokumen atau kaunterpart yang sama dalam bentuk kertas.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, apa-apa notis elektronik atau apa-apa rekod elektronik bagi suatu notis elektronik atau apa-apa salinan atau cetakannya yang—

- (a) diperakui oleh Ketua Pengarah untuk mengandungi semua atau apa-apa maklumat yang difailkan, diserahkan atau dihantar melalui perkhidmatan elektronik mengikut Bahagian ini; dan
- (b) disahkan dengan sewajarnya mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 47 atau selainnya disahkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi pengesahan dokumen yang dihasilkan oleh komputer,

hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pemenjaraan kerana tidak membayar denda

49. Walau apa pun seksyen 283 dan 284 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], tempoh pemenjaraan yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa denda yang tidak dibayar di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau berkenaan dengan keingkaran suatu distres yang mencukupi untuk membayar apa-apa denda sedemikian, adalah apa-apa tempoh mengikut perihalan, yang pada pendapat mahkamah akan memberi keadilan bagi kes itu, tetapi tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi tempoh maksimum seperti yang berikut:

- (a) jika denda itu tidak melebihi lima ribu ringgit, tempoh maksimum ialah dua bulan;
- (b) jika denda itu melebihi lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, tempoh maksimum ialah empat bulan; atau
- (c) jika denda itu melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua puluh ribu ringgit, tempoh maksimum ialah enam bulan,

dengan dua bulan tambahan bagi tiap-tiap sepuluh ribu ringgit selepas dua puluh ribu ringgit yang pertama denda itu sehingga suatu tempoh maksimum enam tahun dicapai.

Tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada penyitaan boleh didapatkan balik melainkan jika penyitaan tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali

50. Tiada seorang pun boleh dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain selain suatu

perintah bagi pemulangan benda itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab barangkali.

Pengkompaunan kesalahan

51. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan—

- (a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan
- (c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai kanan kastam boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan, mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan kesalahan terhadap

orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang telah disita yang berkait dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk pada apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(5) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Perintah mahkamah

52. (1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu membayar kepada Ketua Pengarah amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar atau apa-apa penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh Ketua Pengarah dan levi pelepasan atau penalti itu hendaklah didapatkan semula mengikut cara yang sama sebagaimana suatu denda yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Jika mana-mana orang itu didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, dan jika dia telah membayar amaun levi pelepasan yang genap masa dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar berkenaan dengan kesalahan yang dipertuduh, mahkamah boleh memerintahkan supaya amaun yang telah dibayar itu dibayar balik kepada orang itu jika tiada notis rayuan difailkan.

Obligasi kerahsiaan

53. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 54, nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat pemberi maklumat atau apa-apa maklumat lain yang boleh membawa kepada identiti pemberi maklumat itu dan bahan maklumat yang diterima daripada pemberi maklumat hendaklah disimpan sebagai rahsia dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai kastam atau mana-mana orang yang dalam perjalanan biasa kewajipannya memiliki, atau mempunyai kawalan ke atas atau akses kepada,

maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Perlindungan pemberi maklumat daripada diketahui

54. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini, tidak ada saksi dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah berkewajipan atau dibenarkan untuk menzahirkan nama, alamat atau apa-apa maklumat pemberi maklumat atau bahan maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin membawa kepada pemberi maklumat itu diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang dikemukakan dalam keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada dirinya diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan itu disembunyikan daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu bagi melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah itu, selepas pemeriksaan penuh tentang kes itu, mempercayai bahawa pemberi maklumat itu membuat dengan sengaja dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya sebagai palsu atau tidak dipercayainya sebagai benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dijalankan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa pemberi maklumat itu diketahui, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan pemeriksaan, dan menghendaki penzahiran penuh berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Penyampaian notis, dsb.

55. (1) Tiap-tiap notis, arahan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

- (a) secara ke diri kepada orang itu;
- (b) dengan menghantarnya kepada orang itu melalui pos berdaftar; atau
- (c) melalui perkhidmatan elektronik.

(2) Notis, arahan atau dokumen lain yang dihantar melalui pos berdaftar kepada seseorang hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada orang itu pada masa ia sepatutnya telah dihantar serah kepada orang itu dalam perjalanan biasa pos itu jika notis, arahan atau dokumen lain itu telah dialamatkan—

- (a) dalam hal syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain—
 - (i) ke pejabat berdaftaranya;
 - (ii) ke alamat terakhirnya yang diketahui; atau
 - (iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima proses penyampaian; dan
- (b) dalam hal seorang individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui.

(3) Jika seseorang telah memberikan persetujuannya untuk suatu notis disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan pada masa notis elektronik itu dihantar ke akaunnya melalui perkhidmatan elektronik.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

56. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini dan tertakluk pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi—

- (a) pemfailan atau pengemukakan apa-apa permohonan, penyata atau apa-apa dokumen lain; dan
- (b) penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit atau apa-apa dokumen lain.

(2) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak kira dengan apa jua sifat atau tidak kira bagaimana jua sekalipun berbangkit yang terdapat dalam apa-apa notis elektronik yang diperoleh oleh pengguna berdaftar di bawah perkhidmatan elektronik jika kesilapan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam perjalanan biasa penunaian kewajipan Ketua Pengarah atau berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan elektronik itu atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan elektronik itu.

(3) Apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan, dikemukakan atau disampaikan pada masa notis elektronik itu diterima oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pengguna berdaftar” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan elektronik.

Pengesahan notis, dsb.

57. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiap-tiap notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini oleh Ketua

Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah adalah disahkan dengan secukupnya jika nama dan jawatan Ketua Pengarah itu dicetak, dicap atau selainnya ditulis di atasnya.

(2) Jika Akta ini memperuntukkan bagi suatu notis atau apa-apa dokumen lain hendaklah di bawah tandatangan mana-mana pegawai kastam, notis atau dokumen lain itu hendaklah ditandatangani dalam manuskrip oleh pegawai kastam itu.

(3) Suatu notis atau apa-apa dokumen lain yang disampaikan bagi maksud Akta ini dan berupa sebagai ditandatangani dalam manuskrip oleh Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah ditandatangani sedemikian.

Transaksi perniagaan bagi pihak orang berdaftar

58. Mana-mana orang yang berurusan bagi pihak mana-mana orang berdaftar mengenai apa-apa perkara berhubung dengan Akta ini hendaklah—

- (a) mengeluarkan suatu surat kebenaran daripada orang berdaftar yang diwakili oleh orang itu; dan
- (b) jika mana-mana borang yang ditetapkan dikehendaki untuk dikemukakan bagi maksud perkara yang sedang diuruskan, mengemukakan borang yang telah ditandatangani oleh orang berdaftar, kecuali jika selainnya dibenarkan oleh pegawai kastam.

Permohonan untuk kajian semula

59. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari dari tarikh orang itu diberitahu tentang apa-apa keputusan yang dibuat oleh pegawai kastam untuk kajian semula keputusan itu.

(2) Jika suatu permohonan telah dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu kajian semula dan

memberitahu keputusan kajian semula kepada orang itu, jika dapat dilaksanakan, dalam masa enam puluh hari dari tarikh permohonan.

(3) Tiada kajian semula boleh dibuat bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun.

(4) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan cara yang ditetapkan.

Pelikuidasi orang berdaftar hendaklah memberikan notis penggulangan, dan mengetepikan levi pelepasan

60. (1) Jika suatu ketetapan diluluskan dan berkuat kuasa, atau suatu perintah dibuat bagi penggulangan suatu syarikat yang merupakan orang berdaftar, pelikuidasi syarikat itu hendaklah—

- (a) memberikan notis mengenai penggulangan syarikat itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas ketetapan itu berkuat kuasa atau perintah itu dibuat;
- (b) sebelum melupuskan apa-apa aset syarikat itu, mengetepikan apa-apa jumlah wang daripada aset itu sebagaimana yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa levi pelepasan yang atau yang akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar berkenaan dengan syarikat itu; dan
- (c) membayar levi pelepasan yang disebut dalam perenggan (b).

(2) Pelikuidasi mana-mana syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan dalam perenggan (1)(a) atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran levi pelepasan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (1)(c) hendaklah bertanggung sendiri bagi apa-apa levi pelepasan yang atau yang akan menjadi genap masa dan kena dibayar sebagaimana yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana pelikuidasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika dua atau lebih orang dilantik sebagai pelikuidasi atau dikehendaki oleh undang-undang untuk menjalankan penggulungan syarikat yang disebut dalam subseksyen (1), obligasi dan tanggungan yang dikenakan kepada pelikuidasi di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk pada suatu hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah

61. (1) Jika seseorang penerima dilantik bagi harta seseorang orang berdaftar, penerima itu hendaklah memberikan notis mengenai pelantikan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas pelantikan itu dibuat, dan hendaklah sebelum melupuskan mana-mana aset orang berdaftar itu mengetepikan apa-apa jumlah wang daripada aset sebagaimana yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa levi pelepasan yang atau yang akan selepas itu menjadi genap masa dan kena dibayar oleh orang berdaftar itu sebelum pelantikan penerima, dan hendaklah membayar levi pelepasan itu.

(2) Mana-mana orang yang dilantik sebagai penerima yang tidak memberikan notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1) atau tidak mengadakan peruntukan bagi pembayaran levi pelepasan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen itu hendaklah bertanggung sendiri bagi apa-apa levi pelepasan yang atau yang akan menjadi genap masa dan kena dibayar sebagaimana yang disebut terdahulu.

(3) Mana-mana penerima yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Jika dua atau lebih orang dilantik sebagai penerima, obligasi dan tanggungan yang dikenakan kepada penerima di bawah seksyen ini hendaklah dikenakan kepada semua orang itu secara bersesama dan berasingan, tertakluk pada suatu hak sumbangan antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

62. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh menetapkan—

- (a) semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang berdaftar;
- (b) semua perkara yang berhubungan dengan pengemukaan penyata;
- (c) semua perkara yang berhubungan dengan pembayaran levi pelepasan;
- (d) semua perkara yang berhubungan dengan pembayaran balik dan peremitan levi pelepasan atau penalti;
- (e) semua perkara yang berhubungan dengan perkhidmatan elektronik;
- (f) semua perkara yang berhubungan dengan pejabat bagi pentadbiran levi pelepasan itu;
- (g) semua borang yang ditetapkan bagi maksud Akta ini; atau
- (h) apa-apa perkara lain yang dikehendaki di bawah Akta ini untuk ditetapkan.

(3) Apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan suatu tindakan atau peninggalan yang melanggar peraturan-peraturan itu sebagai suatu kesalahan dan boleh menetapkan

hukuman denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

Kuasa untuk melanjutkan tempoh

62A. Jika, melalui Akta ini, suatu tempoh dinyatakan yang dalamnya sesuatu perbuatan atau benda hendaklah dilakukan oleh seseorang, dan Menteri berpuas hati bahawa perbuatan atau benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam, Menteri boleh, mengikut terma dan syarat yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh untuk menyempurnakan perbuatan atau benda itu sebelum habis tempoh itu.

Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat

62B. (1) Jika terma dan syarat dikenakan menurut Akta ini, Menteri boleh, atas nasihat Ketua Pengarah, dari semasa ke semasa mengubah suai terma dan syarat bagi maksud melaksanakan tujuan Akta ini.

(2) Sebelum mengubah suai terma dan syarat, notis hendaklah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu menyatakan—

- (a) terma dan syarat sebagaimana diubah suai; dan
- (b) tarikh terma dan syarat sebagaimana diubah suai itu berkuat kuasa.

(3) Terma dan syarat yang diubah suai tidak boleh berkuat kuasa kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2) dikeluarkan.

(4) Jika terma dan syarat itu pada mulanya dikenakan oleh Ketua Pengarah menurut Akta ini, terma dan syarat sebagaimana diubah suai oleh Menteri hendaklah disifatkan telah dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “ubah suai” ertinya tambah, potong atau ubah.

BAHAGIAN XI

PERALIHAN

Pendaftaran sebelum tarikh efektif

63. (1) Walau apa pun seksyen 13, mana-mana orang dan mana-mana ejen pengendali asing yang mengendalikan apa-apa kenderaan membawa mana-mana orang meninggalkan Malaysia sebelum tarikh efektif dan perkhidmatan itu adalah tertakluk pada levi pelepasan hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan dalam masa tiga puluh hari sebelum tarikh efektif, mengikut cara yang diperuntukkan dalam seksyen 13.

(2) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan orang yang disebut dalam subseksyen (1) pada atau selepas tarikh efektif.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pembayaran sebelum tarikh efektif

64. (1) Levi pelepasan tidak boleh dikenakan ke atas atau kena dibayar oleh mana-mana orang yang telah membuat pembayaran penuh sebelum tarikh efektif bagi perjalanannya untuk meninggalkan Malaysia pada atau selepas tarikh efektif.

(2) Jika mana-mana orang yang membuat pembayaran bagi perjalanannya untuk meninggalkan Malaysia sebahagiannya sebelum tarikh efektif dan sebahagiannya pada atau selepas tarikh efektif, levi pelepasan hendaklah dikenakan ke atas dan kena dibayar oleh orang itu bagi pembayaran sebahagian yang dibuat pada atau selepas tarikh efektif.

UNDANG -UNDANG MALAYSIA**Akta 813****AKTA LEVI PELEPASAN 2019**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1674	Akta Levi Pelepasan (Pindaan) 2022	01-01-2023
Akta 851	Akta Kewangan (No. 2) 2023	30-12-2023

UNDANG -UNDANG MALAYSIA**Akta 813****AKTA LEVI PELEPASAN 2019****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
11	Akta 851	30-12-2023
62A	Akta A1674	01-01-2023
62B	Akta A1674	01-01-2023
